

# MRT Corp beri kontrak 3 pakej RM563 juta

» Syarikat buat penilaian kumpulan disenarai pendek

Oleh Ahmad Fiesal Othman  
fsal@bharian.com.my

**M**ASS Rapid Transit Corp Sdn Bhd (MRT Corp) menganugerahkan kontrak bagi tiga pakej stesen projek perkhidmatan MRT Sungai Buloh-Kajang dengan nilai keseluruhan RM563 juta.

Ia susulan mesyuarat Jawatankuasa Perolehan Sehenti (OSPC) di Putrajaya yang dipengerusikan Menteri Kewangan Kedua, Datuk Seri Ahmad Husni Hanadzlah, semalam.

“OSPC MRT Corp telah menilai semua bidaan dan penganugerahan ini adalah pi-

lihan yang terbaik selepas membuat penilaian terhadap kumpulan yang sudah disenarai pendek,” kata Ketua Eksekutif MRT Corp, Datuk Azhar Abdul Hamid dalam kenyataan di Kuala Lumpur, semalam.

## Sebelum akhir tahun

Beliau menegaskan, baki pakej lain projek itu dijangkakan dianugerahkan sebelum akhir tahun ini.

OSPC pada mesyuaratnya itu memutuskan menganugerahkan Trans Resources Corporation Sdn Bhd dengan Pakej S1 untuk pembinaan dan penyiapan stesen bertingkat dan kerja lain berkaitan di Sungai Buloh, Kampung Baru Sungai Buloh dan Kota Daman-



“  
OSPC MRT Corp telah menilai semua bidaan”

**Azhar Abdul Hamid,**  
Ketua Eksekutif MRT Corp

sara. Kontrak itu bernilai RM283.7 juta.

Trans Resources Corporation juga adalah pembida yang berjaya mendapat Pakej DPT1 bagi pembinaan dan penyiapan depoh penyelenggaraan Sungai Buloh, bangunan pentadbiran, kerja luaran dan yang berkaitan. Kontrak itu diberikan pada 9 Mei 2012 dan harga kontrak adalah RM459 juta.

## Pakej S6

Jawatankuasa itu turut menganugerahkan Ahmad Zaki Sdn Bhd dengan Pakej S6 untuk pembinaan dan penyiapan stesen bertingkat Taman Suntext, Taman Cuepacs dan Bandar Tun Hussein Onn serta kerja lain yang berkaitan. Kontrak itu bernilai RM174.6 juta.

Ketiga-tiga stesen itu akan terletak di sepanjang jejambat di antara Plaza Phoenix dan Bandar Tun Hussein Onn, yang dikenali sebagai pakej kerja awam bertingkat V6, yang mana Ahmad Zaki sedang melaksanakannya selepas dianugerahkan pakej kerja itu awal tahun ini. Harga kontrak untuk pakej itu ialah RM764 juta.